



**GARIS PANDUAN
PERBICARAAN KES-KES SYARIAH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai garis panduan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) sebagai panduan dan penyelarasan pengendalian kes semasa PKPP. Garis panduan ini penting bagi pengurusan kes-kes berikut :

1. Kes-kes Mahkamah Syariah yang didaftarkan sebelum tempoh PKP
2. Kes-kes Mahkamah Syariah yang didaftarkan semasa PKPP dan selepas tempoh PKP.
3. Kes-kes Mahkamah Syariah yang telah dibicarakan sebelum PKP dan ditangguhkan untuk sambung bicara.
4. Kes-kes Mahkamah Syariah yang difailkan bersama Perakuan Segera
5. Kes Rayuan Syariah

Sebagai langkah menyokong kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19, Pengurusan kes-kes tersebut akan dibuat berdasarkan kepada SOP dan garis panduan yang disediakan berserta apa-apa arahan lanjut oleh MKN dan garis panduan Pengurusan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, apa-apa arahan lanjut dari MKN akan diberikan keutamaan. Kaedah biasa dalam penyediaan kehakiman syariah perlu disesuaikan dengan norma baharu supaya akses kepada Syariah asas keadilan tidak terhenti.

2.0 PEMAKAIAN

- 2.1 Penerimaan pendaftaran dan perbicaraan kes syariah semasa PKPP adalah terpakai bagi semua Unit Sulh, Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah bagi negeri yang menguatkuasakan garis panduan ini.
- 2.2 Garis panduan ini terpakai semasa PKPP yang tertakluk kepada pengumuman oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3.0 KATEGORI KES

- 3.1 Terbuka semua kes namun tertakluk kepada kebenaran oleh JKSNPP ;
- 3.2 Keutamaan Kes
- Kes Rayuan
 - Kes yang difailkan Perakuan Segera
 - Kes-kes persetujuan bersama
 - Kes Pengesahan Lafaz Cerai semasa PKP
 - Kes melibatkan jaminan-kes Jenayah Syariah
 - Kes-kes penguatkuasaan Perintah
 - Kes-kes yang ditangguh tanpa tarikh
 - Keputusan-keputusan yang tertangguh dan perlu dibacakan keputusan sahaja.
 - Kes-kes yang melibatkan KPI
 - Kahwin wali Hakim / Kahwin Bawah Umur
- 3.3 Tertakluk kepada persetujuan dan kesediaan JKSNPP

4.0 WAKTU OPERASI PENGURUSAN KES

Isnin hingga Jumaat
(8.00 pagi sehingga 5.00 petang)

5.0 PEMAKLUMAN TANGGUHAN KEPADA PIHAK-PIHAK

Notis dan Telefon / semak status dalam portal esyariah (pemakluman bahawa setiap kes hendaklah disusun secara berperingkat terutama melibatkan Peguam Syarie)

6.0 KEHADIRAN PIHAK-PIHAK

6.1 WAKALAH

Lafaz wakalah dibuat secara atas talian oleh pihak-pihak jika melantik Peguam Syarie (Arahan Amalan No. 5 Tahun 2014).

6.2 BORANG

Borang diperolehi secara atas talian melalui laman web JKSNPP

6.3 PROSES PENDAFTARAN KES

Pihak-pihak / Peguam Syarie sahaja yang dibenarkan hadir.

6.4 SEBUTAN / PENGURUSAN KES

6.4.1 Pihak yang terlibat sahaja dibenarkan hadir.

6.4.2 Peguam Syarie yang telah dilantik dan pelantikan secara wakalah boleh dibuat secara atas talian.

6.4.3 Pihak-pihak dikecualikan hadir terutama melibatkan prosiding sebutan/pengurusan kes.

6.4.5 Orang awam dan kanak-kanak tidak dibenarkan hadir.

6.5 PERBICARAAN

6.5.1 Pihak-Pihak ; Atau/Dan

6.5.2 Peguam Syarie; dan

6.5.3 Saksi yang telah menerima Sapina/Perintah Mahkamah.

6.6 MAJLIS SULH

6.6.1 Pihak-pihak sahaja yang terlibat; dan

6.6.2 Menggunakan bilik yang selamat dan memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.

6.7 MAJLIS TAHKIM

6.7.1 Pihak-pihak sahaja yang terlibat;

6.7.2 Hakam bagi pihak-pihak; dan

6.7.3 Menggunakan bilik yang selamat dan memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.

6.8 SESI RUNDINGCARA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)

6.8.1 Pihak-pihak sahaja yang terlibat; dan

6.8.2 Menggunakan bilik yang selamat dan memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.

7.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERBICARAAN DI MAHKAMAH SYARIAH SEMASA TEMPOH PKPP

Mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi langkah pencegahan di tempat kerja. Selain itu perlu merujuk kepada Prosedur Kerja Selamat Pencegahan COVID-19 di tempat kerja oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian Sumber Manusia :

7.1 TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- i. Memastikan keperluan perundangan dan prosedur kerja selamat berkaitan COVID-19 dipatuhi.
- ii. Memastikan setakat yang praktik tempat kerja dalam keadaan selamat dan tanpa risiko jangkitan COVID-19 kepada pekerja dan orang awam yang berurusan.

- iii. Memastikan setakat yang praktik kaedah keluar dan masuk dari tempat kerja adalah selamat dan tanpa risiko jangkitan COVID-19.
- iv. Memastikan kemudahan dan kebajikan pekerja berkaitan kawalan risiko COVID19 serta sumber yang mencukupi disediakan.
- v. Memastikan maklumat, latihan dan pengawasan berkaitan COVID-19 tersedia dan disebarkan.
- vi. Membangunkan Program Kawalan Risiko COVID-19 yang dikenalpasti menerusi penaksiran risiko dan memastikan ia dilaksanakan.
- vii. Mewujudkan rekod setiap orang yang memasuki tempat kerja.
- viii. Melantik orang yang dilatih atau pembantu jururawat bagi melakukan pengukuran suhu dan saringan kesihatan pekerja.
- ix. Melantik (SHO/SSS/OSH-C/Setiausaha JKK) sebagai Penyelaras untuk melaporkan status pematuhan Program Kawalan Risiko COVID-19.

7.2 PEGAWAI MAHKAMAH/PEGUAM SYARIE DAN PIHAK-PIHAK

- a) Pegawai Mahkamah Syariah/Peguam Syarie dan pihak-pihak yang hadir ke Mahkamah Syariah perlu mengisi borang / QR Code bagi tujuan penjejakan sosial (social tracing) sebelum memasuki bangunan Mahkamah;
- b) memastikan kesihatan diri berada di tahap baik. Jika tidak sihat tidak dibenarkan untuk hadir ke Mahkamah Syariah;
- c) membasuh tangan dengan sabun atau menggunakan *handsanitizer* di pintu masuk Mahkamah Syariah;
- d) memeriksa suhu badan oleh pihak Mahkamah Syariah. Sesiapa dengan suhu badan 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan masuk dan perlu menjalani pengukuran suhu badan semula. Laporkan kepada majikan sekiranya pengukuran semula suhu badan masih 37.5°C atau lebih untuk tindakan lanjut;
- e) menjarakkan diri di antara satu sama lain pada kedudukan 1 meter di mana-mana tempat di dalam kawasan Mahkamah Syariah termasuk di dewan Perbicaraan;
- f) memakai penutup mulut dan hidung (*mask*) jika bergejala; dan
- g) mana-mana pihak yang perlu hadir ke Mahkamah Syariah tidak dibenarkan menghadiri mana-mana prosiding Mahkamah Syariah atau berurusan di

pejabat pendaftaran Mahkamah Syariah sekiranya masih di bawah kuarantin atau pengawasan perubatan oleh Kerajaan; dan

- h) kebajikan kakitangan Mahkamah Syariah perlu dipantau secara berterusan. Sekiranya terdapat apa-apa laporan jangkitan Covid-19, Ketua Jabatan dikehendaki melaporkannya kepada Jabatan Kesihatan untuk tindakan lanjut. Apa-apa arahan lanjut daripada pihak berkuasa Kesihatan hendaklah dipatuhi.

7.3 RUANG TEMPAT KERJA / DEWAN BICARA / KAMAR HAKIM / BILIK SULH / BILIK RUNDINGCARA BSK

Pejabat perlu melakukan nyahkuman / disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti ruang kerja, dewan perbicaraan, kaunter perkhidmatan, tombol pintu, papan kekunci komputer, kamar Hakim, Bilik Sulh, Bilik Rundingcara BSK, Bilik Saksi, Bilik Pendakwa Syarie, Bilik Peguam Syarie, Perpustakaan dan lif awam. Pelan lantai dewan bicara seperti yang diluluskan oleh MKN dikekalkan dan jarak diantara satu sama lain tidak kurang 1 meter hendaklah dikekalkan (**LAMPIRAN A**).

Rujukan juga boleh dibuat melalui Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (*Annex 36*). Dilampirkan bersama garis panduan ini.

7.4 FIZIKAL FAIL / DOKUMEN

Dokumen yang diterima bagi tujuan pemfailan hendaklah dibersihkan secara disinfeksi / secara wap.

8 PROSES PENGELUARAN PERINTAH BERSIH

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2008 yang berkaitan dengan Penyediaan Draf Perintah adalah terpakai. Walau bagaimanapun pengeluaran perintah bersih yang lebih awal bagi kes tertentu adalah bergantung kepada budi bicara Mahkamah. Pihak-pihak perlu buat temujanji terlebih dahulu.

9 PROMOSI

Bagi menyampaikan maklumat secara lebih berkesan kepada orang ramai mengenai kebenaran perbicaraan kes syariah Pasca PKP, beberapa saluran akan digunakan seperti berikut:

- i. Laman Web JKSNPP;
- ii. Facebook JKSNPP; atau
- iii. Hebahan melalui Media.

10 TARIKH KUAT KUASA

Tarikh penguatkuasaan penerimaan Garis Panduan Pendaftaran dan Perbicaraan Kes Pasca PKP telah dipersetujui oleh semua YAA Ketua-ketua Hakim Syarie pada 10 Jun 2020 di semua Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

11 SUMBANG SARAN PASCA PKP (JANGKA PENDEK)

11.1 SUMBANG SARAN (JANGKA PENDEK)

Cadangan sumbang saran jangka pendek ini bertujuan bagi mengurangkan kehadiran pihak-pihak ke Mahkamah Syariah dan bagi mempercepatkan proses perbicaraan kes tanpa berlaku ketidakpatuhan kepada prosedur dan undang-undang. Juga sebagai langkah pencegahan bagi mengelak berlaku penyebaran wabak COVID-19 yang berulang kembali. Sumbang saran yang dicadangkan ini adalah melalui projek-projek inovasi JKSNPP seperti berikut:


- 11.1.1 E-SIAP
- 11.1.2 NAFKAH MANDATORY
- 11.1.3 **QR CODE** kepada pelanggan yg masuk ke Mahkamah Syariah JKSNPP

11.2 SUMBANG SARAN ESYARIAH (JANGKA PANJANG)


- 11.2.1 **E-Review** iaitu pengurusan kes secara atas talian seperti yang dilaksanakan di Mahkamah Sivil.
- 11.2.2 **Perbicaraan secara online** (Pihak MAMPU akan memberi sokongan kepada pelaksanaan dan keperluan).
- 11.2.3 **Pindaan Undang-undang** bagi melibatkan penggunaan projek inovasi yang melibatkan keperluan pindaan undang-undang.

12.0 SOP PENDAFTARAN DAN PERBICARAAN KES MAHKAMAH SYARIAH SEMASA PKPP

A) TERBUKA SEMUA KES NAMUN TERTAKLUK KEPADA KEBENARAN OLEH JKSNNPP



B) KEUTAMAAN KES



Mula

Pihak-pihak/Peguam Syarie hadir ke Mahkamah Syariah bagi tujuan pendaftaran. Pihak lain tidak dibenarkan hadir kecuali atas arahan Mahkamah. Wakalah Peguam Syarie secara atas talian. Bagi kes mendesak melalui PERAKUAN SEGERA.

Pendaftar/Petugas kaunter akan mendaftarkan kes jika dokumen lengkap dan proses pembayaran juga dibuat. Tarikh bagi sebutan/pengurusan kes/Majlis Sulh diberikan berdasarkan kepada kesesuaian masa yang terdekat atau pendekatan bicara pada waktu malam. Pada masa sama terikat dengan tempoh KPI atau Piagam Pelanggan JKSNPP

Jika difailkan dengan **PERAKUAN SEGERA** **PERAKUAN SEGERA** dibawa oleh Pendaftar kepada perhatian Hakim bagi menentukan tahap keterdesakan kes dan perlu diberikan perhatian segera.

Semasa hari perbicaraan Mahkamah membuat pemeriksaan kesihatan di pintu masuk. Memeriksa suhu dan pihak-pihak diarah menggunakan *hand sanitizer* serta memakai penutup mulut dan hidung (*mask*) jika bergejala. (Garis Panduan KKM)

Pendaftar/Pembantu Syariah pastikan kesemua pihak-pihak hadir pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.

Perbicaraan diadakan di dewan terbuka dengan memastikan jarak pihak-pihak di antara satu sama lain sekurang-kurangnya satu meter.

Keputusan / perintah bersih diberikan pada hari yang sama atau dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh JKSNPP

Selesai

PELAN LANTAI DEWAN BICARA
KEDUDUKAN PIHAK-PIHAK SEMASA PERBICARAAN DI MAHKAMAH SYARIAH
SEMASA PKPP


HAKIM



PEMBANTU



> 1 METER




PIHAK
DEFENDAN

PEGUAM
SYARIE



> 1 METER




PEGUAM
SYARIE

PIHAK
PLAINTIF



> 1 METER




ORANG AWAM
(TIDAK
DIBENARKAN)



POLIS



> 1 METER



ORANG AWAM
(TIDAK
DIBENARKAN)